

A decorative rectangular border with ornate, symmetrical floral and scrollwork designs at each corner, framing the central text.

BAB

I

BAB I

KONSEP KEHAKIMAN DALAM ISLAM

1.1 Pendahuluan

Undang-undang Islam adalah undang-undang yang syumul, adil dan lengkap dengan peraturan-peraturan syariatnya. Setiap manusia dituntut supaya melaksanakan tuntutan syariat dengan tidak melanggar batas-batasnya yang menyalahi hukum.

Oleh itu institusi kehakiman dalam Islam dianggap penting dan diperlukan oleh masyarakat seluruhnya bagi menjamin keadilan, keselamatan dan menjauhi kezaliman yang berlaku. Ini bertepatan dengan tujuan Allah mensyariatkan agama Islam untuk menjaga kemaslahatan manusia dan menjauhi dari sebarang kemudharatan. Kepentingan kehakiman dalam Islam dapat dilihat melalui firman Allah Taala:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ

Maksudnya:

"Hendaklah kamu menghukumkan di antara mereka itu dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah.

Terjemahan Surah al-Maidah (6): 49.

1.2 Definisi Kehakiman

Definisi kehakiman terbagi kepada dua bahagian iaitu kehakiman menurut bahasa dan kehakiman menurut syarak.

1.2.1 Kehakiman Menurut Bahasa¹

Perkataan kehakiman dalam bahasa Arab ialah *al-qadha'* (القضاء) yang mempunyai pelbagai makna. Antaranya ialah:

1- Menunai (الأداء).

Firman Allah Taala: **فَإِذَا قُضِيْتُمْ مَنَسِكَكُمْ**

Maksudnya: " *Apabila kamu telah menyelesaikan ibadat hajimu.* "

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 200

Firman Allah Taala: **فَإِذَا قُضِيْتِ الصَّلَاةُ**

Maksudnya:

" *Apabila kamu telah menunaikan sembahyang.* "

Terjemahan Surah al-Jum'ah (28):10.

¹ Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1960) *Mu'jam al-Wasit*, j. 2, Kaherah: Matba'ah Mesir, h. 749.

2- Memerintah dan Mewajibkan. (أمر وأوجب)

Firman Allah Taala: وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Maksudnya:

“Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa”.

Terjemahan Surah al-Isra'(15):23.

3- Menyempurnakan (الإتمام والإكمال)

Firman Allah Taala: فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى الْأَجَلَ

Maksudnya:

“Maka setelah Musa menyempurnakan tempoh kerjanya.”

Terjemahan Surah al-Qasas (20):29.

4- Tetap dan Berlaku (الوجوب والوقوع)

Firman Allah Taala: قُضِيَ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ تَسْتَفْتِيَانِ

Maksudnya:

"Telah selesailah perkara yang kamu berdua tanyakan itu (kepadaku)."

Terjemahan Surah Yusuf (12):41.

5- Menyampaikan Perintah (العهد والإيحاء)

Firman Allah Taala: إِذْ قَضَيْنَا إِلَىٰ مُوسَى الْأَمْرَ

Maksudnya:

"Ketika Kami menyampaikan perintah kepada Musa ."

Terjemahan Surah al-Qasas (20):44.

6- Mengukuh sesuatu dan menyelesaikannya. إحكام الشيء والفراغ منه

Firman Allah Taala: فَقَضَيْنَهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ

Maksudnya:

"Lalu Allah menjadikannya tujuh langit dalam hari."

Terjemahan Surah Fussilat (24):12.

7- Mengerjakan (العمل)

Firman Allah Taala: فَأَقِضْ مَا أَنْتَ قَاضٍ

Maksudnya:

"Kerjakanlah apa yang engkau hendak kerjakan."

Terjemahan Surah Taha (16):72.

Manakala hakim ialah orang yang memutuskan perkara yang dihakamkan kepadanya dengan melaksanakan hukuman di antara manusia berdasarkan hukum syarak. Melalui pengertian di atas menunjukkan bahawa kehakiman adalah melaksanakan sesuatu hukum atau perintah Allah berdasarkan apa yang ditetapkan oleh syariat Islam.

1.2.2 Kehakiman Menurut Syarak

Para ulama telah mendefinisikan kehakiman dengan beberapa takrif, antaranya ialah:

1-Mazhab Syafie mentakrifkan kehakiman sebagai “Penyelesaian perbalahan antara dua pihak atau lebih dengan melaksanakan hukum Allah².”

2- Menurut mazhab Malik , makna kehakiman ialah “ Memberitahu mengenai hukum syarak berdasarkan jalan *ilzam*³ (إلزام) .

3-Mazhab Hanafi mentakrifkan kehakiman sebagai “ Melaksanakan hukuman di antara manusia berlandaskan kebenaran”⁴ .

4- Kehakiman menurut mazhab Hanabilah ialah “Menerangkan hukum syarak dan menyelesaikan perbalahan di atas jalan *ilzam*⁵ .(إلزام))

² Syaykh Muhammad al-Syarbīnī, (t.t), *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifat Ma'ānī al-fāz al-Minhaj*, j. 4, (T.T.P) : (T.P), h. 372.

³ Ibn Farhūn (1958), *Tabṣīrah al-Hukkām*, j. 1, Mesir: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, h. 12.

⁴ Al-Kasānī (t.t.), *Badāi' al-Ṣanāi'*, j.9, T.T.P: Maṭba'ah al-Imām, h. 407.

⁵ Syaykh Mar'i, b. Yūsuf al-Hanbalī (t.t), *Ghāyah al-Muntahā fī al-Jam'i baina al-Iqna' wa al-Muntahā*, j. 3, Damsyik: Maṭba'ah Dār al-Salām, h. 427.

Walaupun makna kehakiman yang dikemukakan oleh ulama di atas nampak berbeza dari segi sifat-sifat atau rukun-rukun kehakiman, tetapi pada hakikatnya adalah sama sahaja, kerana makna kehakiman dalam Islam adalah menyelesaikan perbalahan di antara pihak-pihak yang bertelingkah berdasarkan undang-undang syarak.

1.3 Dalil Disyariatkan Kehakiman.

Dalil-dalil pensyariatan kehakiman ini terdapat melalui *nas-nas* yang *qat'i* (jelas) seperti al-Quran, al-Sunnah, malah ianya juga terdapat dalam *ijmak*.

1.3.1 Dalil Dari Al-Quran

Terdapat banyak dalil dari al-Quran yang mensyariatkan supaya kehakiman ditegakkan. Antaranya firman Allah Taala:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَادَكَ اللَّهُ
وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِبِينَ خَصِيمًا

Maksudnya:

"Sesungguhnya kami telah menurunkan kepada mu (wahai Muhammad) kitab al-Quran dengan membawa kebenaran supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepada kamu (melalui wahyunya) dan janganlah engkau menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat."

Terjemahan Surah al-Nisa'(5):105.

Firman Allah Taala:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ
أَن يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِن تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّهُ
يُرِيدُ اللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِن كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ

Maksudnya:

“Dan hendaklah engkau menghukum di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah dan jangan engkau mengikut kemahuan mereka yang rendah itu, dan berhati-hatilah kepada mereka supaya jangan sampai mereka menyesatkan engkau dari sebahagian peraturan yang diturunkan Allah kepada engkau . Sekiranya mereka enggan , ketahuilah bahawa Allah hendak membinasakan mereka disebabkan sebahagian dari dosa mereka. Sesungguhnya kebanyakan dari manusia itu adalah orang yang jahat (fasik).

Terjemahan Surah al-Maidah (6):49.

Ayat ini dengan jelas memerintahkan Baginda Rasulullah s.a.w dan umatnya supaya menjatuhkan hukuman dengan menyelesaikan perbalahan sesama mereka mengikut undang-undang dan peraturan yang telah diturunkan dan ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Jika beberapa orang nabi terdahulu dikehendaki menghukum berdasarkan kitab Taurat atau Injil, tetapi setelah Allah menurunkan wahyu melalui al-Quran dan al-Sunnah, maka hukuman itu hendaklah dihukum berdasarkan wahyu tersebut, seperti firman Allah:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ
 بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ
 وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya:

“Tetapi tidak, demi Tuhan mu mereka sebenarnya belum beriman sehinggalah mereka meminta keputusan kepada engkau dalam perselisihan mereka. Kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam diri mereka terhadap keputusan yang engkau berikan dan mereka menerima dengan senang hati.”

Terjemahan Surah al-Nisa'(5):65.

1.3.2 Dalil Dari Al-Sunnah.

Dalil pensyariatan kehakiman juga banyak terdapat dalam al-Sunnah. Melalui al-Sunnah ini banyak hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang mensyariatkan kehakiman⁶.

Antaranya ialah:

i- Sabda Rasulullah s.a.w.

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ ، وَإِذَا حَكَمَ
 فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ.

⁶ Imām Muhammad b. Ismā'il al-Kahlānī al-San'ānī (1960), *Subul al-Salām*, j. 4, Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 116.

Maksudnya:

"Jika seseorang hakim telah berijtihad semasa menjatuhkan hukuman, kemudian ijtihadnya tepat maka dia akan mendapat dua ganjaran dan jika tersalah ijtihadnya maka dia akan mendapat satu ganjaran."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim.)

Dalam hadis di atas jelas menyatakan kelebihan pengadilan akan mendapat pahala yang besar. Dalilnya ialah seorang hakim yang tersalah dalam *berijtihad* untuk menjatuhkan sesuatu hukuman juga diberi pahala seperti orang yang betul dalam *ijtihadnya*, walaupun ada perbezaan kadar pahalanya selagi mereka bertujuan untuk mencari kebenaran dalam hukumannya.⁸ Hadis ini juga menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menghormati institusi kehakiman.

ii- Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي إِثْتَيْنِ : رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَسَلَطَهُ عَلَيْهِ
هُلْكَيْهِ فِي الْحَقِّ . وَآخَرَ آتَاهُ اللَّهُ حِكْمَةً فَهُوَ يَقْضِي بِهَا
ويعلمها".

Maksudnya:

"Tidak ada hasad dengki melainkan pada dua perkara, iaitu kepada orang yang dikurniakan oleh Allah dengan harta kemudian dia belanjakan ke arah kebenaran, dan orang yang dikurniakan oleh

⁷ Ibn Hajar al-'Asqalānī (1989), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-'Iṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bāb Ajr al-Ḥākim iza Ijtahada fa Aṣāba aw Akḥṭa', j.13, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, no. ḥadith, 7352, h. 393.

⁸ 'Abd al-Karim Zaydān (Dr.) (1994), *Sistem Kehakiman Islam*. Ustaz Md. Saleh Hj. Ahmad (terj.), j.1, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 13.

Allah dengan hikmah, lalu dia menghukum dengan menggunakan hikmah tersebut⁹.

(Hadis Riwayat Abdullah bin Umar)

iii-Hadis Rasulullah s.a.w:

مَنْ طَلَبَ قِضَاءَ الْمُسْلِمِينَ حَتَّى يَنَالَهُ ثُمَّ غَلَبَ عَدْلَهُ جَوْرَهُ فَلَهُ
الْجَنَّةُ . وَمَنْ غَلَبَ جَوْرَهُ عَدْلَهُ فَلَهُ النَّارُ .

Maksudnya:

“Sesiapa di kalangan orang-orang Islam yang memohon jawatan hakim, sehinggalah dia dilantik sebagai hakim kemudian keadilannya mengatasi kezalimannya maka dia masuk syurga , tetapi sekiranya kezalimannya lebih mengatasi keadilannya, maka dia masuk neraka.¹⁰

(Hadis Riwayat Abdullah bin Umar)

Berdasarkan hadis-hadis tersebut nyatalah bahawa jawatan kehakiman merupakan satu tanggungjawab yang berat dan membebankan. Oleh itu seseorang hakim mestilah bersifat dengan sifat adil dalam mengendalikan kes-kes yang tertentu dan menjatuhkan hukuman dengan bijak serta menyelesaikan pertikaian dengan baik, kerana ganjaran kepada hakim yang berlaku adil ialah syurga, tetapi jika tidak berlaku adil hakim itu akan dibalas dengan neraka.

⁹ Ibn Hajar al-'Asqalānī (1989), op. cit, *Kitāb al-Ahkām*, Bāb Ajr man Qaḍā bi al-Hikmah, h. 150.

¹⁰ Muḥammad b. 'Alī b. Muḥammad al-Syaukānī (1994), *Na'il al-Auḍār*, Kitāb al-Aqḍiyah wa al-Ahkām, Bāb Karāhiyyah al-Haras 'alā al-Wilāyah, j. 9, Beirut: Dār al-Fikr, no. hadith 3872, h. 147.

1.3.3 Dalil Dari *Ijmak*

Dalil pensyariatan kehakiman juga terdapat pada *ijmak*. Ibn Qudamah berkata, “Orang-orang Islam sependapat terhadap pensyariatan dalam menegakkan institusi kehakiman dan menghukum antara sesama mereka”.¹¹

Dalil pensyariatan kehakiman ini juga dapat dilihat melalui persepakatan ulama Salaf dan Khalaf. Menurut mereka tanggungjawab hakim adalah untuk memutuskan hukuman di kalangan manusia.¹²

1.4 Tujuan Jawatan Kehakiman.

Jawatan kehakiman adalah suatu jawatan yang penting untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman. Dengan wujudnya institusi kehakiman, hak dan kepentingan individu dapat dijaga dan dipertahankan, begitu juga dengan kepentingan masyarakat sudah tentu dapat dipelihara dan dipertahankan dengan lebih baik.

Kepentingan institusi kehakiman merangkumi kepentingan masyarakat Islam itu sendiri untuk menegakkan keadilan serta menjaga kemaslahatan umum

¹¹ Abī al-Qāsim ‘Umar b. al-Ḥusayn al-Kharqī (t.t.), *Mukhtaṣar al-Kharqī*, j. 10, Damsyik: Mu’assasah Dār al-Ṣalām, h. 32.

¹² Muḥammad Khatib al-Syarbīnī (1958), *Mughnī al-Muhtāj*, j.4, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 372.

antara sesama manusia dengan menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Ini bersesuaian dengan agama Islam yang sentiasa menghendaki umatnya melakukan keadilan dan menghapuskan kezaliman di muka bumi ini.

Ulama telah bersepakat mengatakan bahawa kehakiman itu merupakan *fardhu kifayah*.¹³ Oleh itu sekiranya institusi kehakiman tidak dapat diwujudkan, sudah tentu kezaliman akan berterusan, sedangkan Islam menghendaki supaya kezaliman dihapuskan.

Ibn Farhun menyatakan bahawa antara hikmat utama melaksanakan tugas kehakiman adalah untuk mengelakkan kesusahan, kesulitan, mencegah kezaliman, menolong orang yang teraniaya, mengeluarkan dan memutuskan hukuman serta menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.¹⁴

Mengenai kepentingan jawatan kehakiman banyak juga ayat-ayat al-Quran yang menyuruh supaya umatnya sentiasa menegakkan keadilan dan jangan berlaku zalim sesama mereka. Sebagaimana firman Allah:

وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

¹³ Ibn. Qudāmah (1968) *al-Mughnī 'alā Mukhtaṣar al-Kharqī*, j. 10, Kaherah: Maṭba'ah al-Fajālah al-Jadidah, h. 32.

¹⁴ Ibn Farhūn al-Qādhi Burhan al-Dīn (t.t.), *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Uṣūl al-Aqḍīyah wa manāhij al-Aḥkām*, j. 2, Mesir: Maṭba'ah al-Syarifiyyah, h. 31.

Maksudnya:

"Dan Allah tidak akan memberi petunjuknya kepada orang-orang yang zalim".

Terjemahan Surah Ali-'Imran (3):86.

Hukum melaksanakan kehakiman menurut *ijmak* ulama adalah *fardhu kifayah*. Hujah yang mereka nyatakan adalah mengenai urusan manusia yang tidak dapat diselesaikan sekiranya institusi kehakiman tidak dilaksanakan.¹⁵ Hukumnya sebagai *fardhu kifayah* dapat dilihat melalui firman Allah Taala:

كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ

Maksudnya:

"Jadilah kamu orang yang benar-benar menegakkan keadilan".

Terjemahan Surah al-Nisa'(5):135.

Dengan itu jelaslah bahawa kehakiman itu fungsinya adalah untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Kedua-dua unsur ini termasuk dalam *fardhu kifayah*.¹⁶

¹⁵ Muhammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 372.

¹⁶ *Ibid.*

Manakala hukuman dan tugas kehakiman yang dilaksanakan oleh pemerintah ialah *fardhu ain* kerana ia termasuk dalam bidang dan tugas pemerintah.¹⁷

1.5 Hukum Menjadi Hakim

Ulama sependapat mengatakan bahawa kehakiman itu dituntut dan menjalankan tugas ini adalah *fardhu kifayah*.¹⁸ Tetapi mereka berselisih pendapat dalam memohon jawatan sebagai hakim.¹⁹

Setengah mereka melarang seseorang memohon jawatan hakim berdasarkan hadis-hadis berikut:

مَنْ طَلَبَ الْقَضَاءَ وَاسْتَعَانَ عَلَيْهِ وَكَلَّ إِلَى نَفْسِهِ ، وَمَنْ لَمْ يَطْلُبْهُ وَلَمْ
يَسْتَعِنْ عَلَيْهِ أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ مَلَكًا يُسَدِّدُهُ

Maksudnya:

*"Sesiapa yang meohon jawatan kehakiman dan meinta pertolongan ke atasnya nescaya diserahkan sahaja kepada dirinya, sebaliknya mereka yang tidak meohon jawatan itu dan tidak pula meminta pertolongan ke atasnya nescaya Allah akan menurunkan para Malaikat bantu membetulkannya."*²⁰

(Hadis Riwayat Abu Daud)

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibn Qudāmah, al-Imām Abū Muḥammad 'Abd Allāh b. Aḥmad (t.t), *al-Mughnī*, j. 9, h. 34.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Muḥammad b. 'Alī b. Muḥammad al-Syaukānī (1996), op. cit., h.147.

Manakala jumbuh ulama mengharuskan memohon jawatan hakim. Selain hadis-hadis Nabi s.a.w,²¹ mereka berhujah berdasarkan apa yang dilakukan oleh Nabi s.a.w dengan melantik sahabat-sahabat beliau menjadi hakim.²²

Al-Mawardi dan Ibn Farhun pula membahagikan hukum memohon jawatan kehakiman kepada haram, makruh, harus, sunat dan wajib.²³ Hukum menjadi hakim seperti yang dinyatakan oleh al-Mawardi dan Ibn. Farhun antaranya ialah:

Pertama: Haram memohon jawatan hakim kepada mereka yang jahil dalam urusan kehakiman dan kepada mereka yang mengetahui selok belok kehakiman tetapi hanyalah bertujuan untuk membantu orang yang zalim dan membuat keputusan mengikut kemahuannya atau bertujuan menggunakan harta secara salah.

Kedua: Makruh memohon jawatan hakim sekiranya bertujuan untuk mendapatkan pangkat dan kedudukan atau untuk bermegah-megah.

²¹ Lihat Dalil-dalil disyariatkan kehakiman.

²² Muḥammad 'Abd. al-Qādir Abū Fāris (Dr.) (1995), *al-Qaḍa' fī al-Islām*, Amman: Dār al-Furqān, h. 23.

²³ Ibn. Farhūn al-Mālikī (t.t.), *Tabṣīrah al-Hukkām*, j. 1, Mesir: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 16-17. ; 'Alā' al-Din Abū Bakr b. Mas'ūd al-Kasānī, (t.t), *Badā'ī al-ṣanā'ī fī Tartīb al-Syarā'ī*, j. 7, T. T. P: T. P, h. 4.

Ketiga: Harus kepada mereka yang fakir dan memerlukan kepada pendapatan hakim untuk menyara keperluan hariannya atau bertujuan untuk menghindari dari kesempitan dan kesusahan hidupnya.

Keempat: Sunat sekiranya orang yang memohon jawatan tersebut mempunyai kelayakan dan mampu melaksanakannya, ini kerana tugas kehakiman termasuk dalam *hisbah*.

Kelima: Wajib sekiranya tidak ada orang yang lebih layak darinya untuk menjawat jawatan hakim. Oleh itu dia wajib memegang jawatan tersebut.

Pendapat jumah ulama yang mengharuskan memohon jawatan kehakiman adalah dianggap lebih *rajih* kerana kehakiman adalah suatu perkara yang penting kepada masyarakat amnya.

1.6 Syarat-Syarat Kelayakan Hakim.

Peranan dan tugas seseorang hakim yang bertanggungjawab dalam melaksana dan menjaga undang-undang Islam sangat penting dalam mempertahankan kedaulatan undang-undang dalam sesebuah negara.

Sebenarnya jawatan kehakiman telah bermula pada zaman Rasulullah s.a.w lagi. Baginda Rasulullah s.a.w pernah memegang jawatan ini bagi

mengendalikan kes-kes tertentu. Begitu juga dengan *Khulafa al-Rasyidin*, mereka juga memainkan peranan secara langsung terhadap institusi kehakiman dan pentadbirannya.

Jawatan kehakiman merupakan satu jawatan yang penting dalam menegakkan keadilan undang-undang. Ia juga merupakan satu tugas yang berat dan perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab kepada sesiapa sahaja yang memegang jawatan tersebut.

Bersesuaian dengan itu, Islam telah memberikan syarat-syarat tertentu kepada mereka yang hendak dilantik sebagai hakim. Tujuan diadakan syarat-syarat tersebut ialah supaya dapat memastikan orang-orang yang dilantik itu benar-benar berkelayakan dan berwibawa terhadap tugas tersebut.

Di sini penulis akan membincangkan secara ringkas syarat-syarat untuk menjadi hakim mengikut pandangan *fuqaha*. Syarat-syarat tersebut seperti berikut:

i) Islam

Islam merupakan syarat utama bagi seseorang yang dilantik sebagai hakim. Orang kafir tidak boleh dilantik dan tidak layak menjadi hakim, ini kerana kehakiman

merupakan kuasa sedangkan orang kafir tidak harus menguasai orang Islam.

Allah telah menegaskan dengan firmanNya yang berbunyi:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Maksudnya:

"Dan Allah tidak membenarkan sama sekali orang yang bukan islam (kafir) menguasai orang-orang yang beriman."

Terjemahan Surah al-Nisa'(5):141.

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa orang kafir tidak boleh dilantik menjadi hakim secara mutlak.²⁴ Malah ulama berpendapat orang kafir tidak boleh dilantik menjadi hakim untuk menjatuhkan hukuman kepada orang-orang Islam.²⁵

Mereka berhujah dengan firman Allah Taala yang berbunyi:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Maksudnya:

"Dan Allah tidak membenarkan sama sekali orang yang bukan Islam menguasai orang yang beriman."

Terjemahan Surah al-Nisa'(50):141.

²⁴ Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan 'Alī b. Muḥammad b. Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī (1996), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah*, c. 2, Kaḥerah: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 72.

²⁵ Al-Ramlī, Syams al-Dīn Maḥmūd b. 'Alī 'Abbās (t.t.), *Nihāyah al-Muḥtāj al-Islāmiyyah*, j. 8, Mesir: T.P., h. 226.

Berbeza pula dengan pendapat di atas, mazhab Hanafi mengatakan harus melantik kafir *zimmi* menjadi hakim ke atas orang-orang kafir sahaja. Mereka berhujah dengan mengatakan bahawa kelayakan seseorang hakim adalah sama dengan syarat-syarat seorang saksi. Oleh itu kafir *zimmi* layak menjadi saksi ke atas kafir *zimmi* yang lain. Dengan itu juga mereka layak dilantik sebagai hakim khusus di kalangan mereka sahaja.²⁶

Berdasarkan kepada syarat di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Islam merupakan syarat yang penting bagi seseorang hakim, ini kerana Islam adalah satu faktor penting yang mendorong seseorang hakim berlaku adil dan tidak akan menyeleweng dalam melaksanakan tuntutan syariat Islam.

ii) Cukup Umur (*Baligh*), Berakal Dan Merdeka

Syarat untuk menjadi seorang hakim mestilah mempunyai pemikiran yang matang, Sekiranya seseorang belum mencapai umur *baligh* dan gila sudah tentu tidak boleh menjadi seorang hakim. Oleh itu perlantikan seseorang hakim mestilah disyaratkan cukup umur dan berakal.

Tetapi setengah ulama mengatakan tidak cukup semata-mata berakal sekadar menjadi orang *mukallaf* sahaja, tetapi disyaratkan juga mereka yang

²⁶ Ibn 'Abidin, al-Syaykh Muhammad Amin (t.t), *Hāsyiyah Radd al-Muhtar 'alā al-Durr al-Mukhtar*, j.4, T.T.P. T.P. h. 414-415.

hendak dilantik sebagai hakim itu mempunyai pemikiran yang betul, kepintaran yang baik serta tidak mempunyai sifat-sifat pelupa dan lalai.

Dengan kebijaksanaan tersebut seseorang hakim itu boleh memahami permasalahan yang timbul dan dapat menyelesaikan sebarang masalah dan kekusutan yang berlaku.²⁷

Manakala seseorang hakim yang dilantik itu mestilah seorang yang merdeka. Ini bermakna hamba tidak sah dilantik menjadi hakim kerana bidang kehakiman termasuk dalam kekuasaan (*wilayah*) bukan sahaja terhadap orang ramai malah terhadap dirinya sendiri.

Oleh itu tidak sah melantik seseorang menjadi hakim kepada mereka yang tidak merdeka sepenuhnya atau dijanjikan untuk dimerdekakan atau yang dibenarkan untuk memerdekakan dirinya.²⁸

iii- Adil

Jumhur ulama berpendapat seseorang yang dilantik menjadi hakim mestilah seorang yang adil. Tidak sah melantik seorang yang *fasik* memegang jawatan

²⁷ Muhammad Khatib al-Syarbī (1958), op.cit. h. 375.

²⁸ Al-'Uṭwah, 'Abd (1969), *Nizām al-Qadā' fī al-Islām*, Mesir: Maktab al-Ahrām, h. 3.

kehakiman. Adil menurut pandangan ulama ialah mereka yang tidak melakukan dosa-dosa besar dan tidak mengekalkan dosa-dosa kecil serta menjauhkan diri dari melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan maruah,²⁴

Menurut al-Mawardi, seseorang yang adil ialah yang bercakap, jelas, amanah, bersih dari perkara-perkara yang haram dan dosa, jauh dari sifat-sifat yang meragukan, tidak suka berjenaka, menjaga maruah dalam urusan agama dan dunia, dipercayai keadilannya dalam keadaan gembira dan marah.²⁵

Oleh yang demikian orang yang tidak adil (*fasik*) tidak harus dilantik menjadi hakim berdasarkan firman Allah Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

Maksudnya:

“ Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang-orang yang fasik membawa berita, hendaklah kamu selidiki. ”

Terjemahan Surah al-Hujurat (26):6

Jelaslah berdasarkan ayat tersebut menunjukkan supaya diselidiki dengan teliti perkataan orang-orang *fasik* sebelum diterima.

²⁴ Ibn. Qudāmah (t.t), op. cit. , h. 40.

²⁵ Al-Māwardī (1996), op.cit., h. 73.

Walau bagaimanapun ada juga pendapat mengatakan adil tidak menjadi syarat sah perlantikan hakim. Ini bermakna orang *fasik* harus menjadi hakim. Pendapat Hanafi mengatakan bahawa hukuman oleh hakim yang *fasik* dapat diterima walaupun ada orang yang lebih layak darinya dan keputusannya sah selagi hukuman itu tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Menurut mazhab Hanafi juga, adil tidak menjadi syarat untuk mengharuskan seseorang itu dilantik menjadi hakim, tetapi ia hanyalah sebagai syarat kesempurnaan perlantikan tersebut. Oleh itu menurut pendapat golongan ini, orang yang *fasik* harus dilantik sebagai hakim dan hukumannya sah dilaksanakan.²⁶

Pendapat mazhab Hanafi bukanlah bermaksud boleh melantik orang yang *fasik* menjadi hakim. Ini dapat dilihat bahawa mereka tidak mengatakan adil ialah syarat mutlak bagi perlantikan hakim, tetapi mazhab ini berpendapat bahawa adil ialah sebagai syarat kesempurnaan sahaja bagi perlantikan tersebut. Dengan itu tidak timbul persoalan yang mengatakan harus perlantikan hakim kepada orang *fasik* dengan sewenang-wenangnya kerana pemerintah mesti membuat sesuatu yang terbaik untuk kepentingan umum rakyatnya, sesuai dengan kaedah *fiqh* "Tindakan pemerintah hendaklah terikat dengan masalah rakyat."

²⁶ Ibn. Al-Humām al-Hanāfi, al-Syaykh Kamāl al-Dīn (t.t), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 7, Mesir: T.P, h. 253.

iv- *Mujtahid*

Para ulama yang terdiri daripada Syafie, Malik, Ahmad bin Hanbal dan sebahagian daripada ulama Hanafi mensyaratkan seseorang yang dilantik menjadi hakim mestilah seorang *mujtahid* yang mempunyai keahlian dalam hukum syarak. Oleh itu menurut mereka tidak sah melantik hakim yang terdiri daripada orang-orang jahil dan *muqallid*.²⁷

Mereka memberikan alasan dengan mengatakan kehakiman itu lebih kuat dari memberi fatwa (الإفتاء) kerana alasan kehakiman itu ialah memberi fatwa dan mengikat yang terlibat (إفتاء وإلزام). Jika mufti tidak harus dari kalangan orang awam yang *muqallid*, maka sudah tentu hakim tidak diharuskan. Hujah mereka berdasarkan firman Allah Taala:

وَأَن تَحْكُمَ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ

Maksudnya:

"Hendaklah kamu menghukumkan di kalangan mereka dengan hukuman yang diturunkan Allah."

Terjemahan Surah al-Maidah (6): 49.

²⁷ Al-'Uṭṭwah, 'Abd (1969), op.cit., h. 8.

Hukuman yang diturunkan oleh Allah itu hanyalah dapat diketahui oleh mereka yang alim dan *mujtahid* sahaja, bukannya *muqallid*.²⁸

Ulama dari mazhab Hanafi tidak mensyaratkan keahlian *ijtihad* sebagai syarat sah perlantikan hakim, tetapi *ijtihad* itu hanyalah sebagai syarat keutamaan perlantikan hakim. Oleh itu melantik orang yang jahil (bukan *mujtahid*) sah kerana tujuan kehakiman adalah untuk menyampaikan hak kepada yang berhak, sebagaimana ia terlaksana melalui *ijtihad* malah ia juga terlaksana melalui *taqlid* dan berdasarkan fatwa orang lain.²⁹

Sebahagian dari ulama lain berpendapat harus melantik hakim di kalangan orang *muqallid* pada waktu *dharurat* sahaja dan dia akan menjalankan hukuman berdasarkan kepada fatwa ulama yang *ditaqlidnya* atau pendapat yang *masyhur* dari mazhabnya, tetapi jika ada *mujtahid*, tidak harus dilantik *muqallid* kerana tidak lagi dikira *dharurat* sedangkan *mujtahid* masih ada.³⁰

²⁸ Ibn. Qudāmah (t.t.), *al-Mughnī*, op.cit., h. 8.

²⁹ Madkhūr, Muḥammad Salām (1964), *al-Qadha' fī al-Islām*, Mesir: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 42.

³⁰ Ibn. Farḥūn al-Mālikī (t.t), op.cit. , j. 1, h. 24-25.

v) Lelaki

Menurut jumhur fuqaha, lelaki merupakan syarat bagi perlantikan hakim, oleh itu mereka sependapat mengatakan tidak harus melantik wanita sebagai hakim. Mereka berhujah dengan hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah³¹ :

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمْرُهُمْ امْرَأَةٌ

Maksudnya:

“Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang melantik pemimpin mereka dari kalangan wanita.”

(Hadis Riwayat Bukhari)

Menurut mereka, wanita tidak layak menjadi pemimpin tertinggi negara, memimpin umat keseluruhannya atau gabenor kepada *wilayah-wilayah* tertentu, sebab itulah Nabi Muhammad s.a.w dan *Khulafa al-Rasyidin* tidak pernah melantik wanita sebagai hakim, kerana jika harus perlantikannya sudah tentu berlaku walaupun sekali. Selain itu hakim memerlukan percampuran antara lelaki, saksi-saksi dan mereka yang bertikai, sedangkan wanita itu dilarang dari bercampur dengan lelaki kerana dibimbangi akan menimbulkan fitnah.³²

Imam Abu Hanifah mengharuskan wanita menjadi hakim dalam masalah yang boleh diterima kesaksian mereka, iaitu selain dari *hudud* dan *qisas*.²⁹

³¹ Ibn. Hajar al-Asqalānī (1989), op. cit. , Kitāb al-Maghāzī, Bāb Kitāb al-Nabī ilā Kisrā wa Qayṣar, no. hadith 4425, j. 8, h. 160.

³² Ibn Qudāmah (t.t.), op. cit. , j. 9, h. 39-40.

²⁹ Syaykh al-Islām Burhan al-Dīn ‘Alī b. Abi Bakr al-Marghinānī (1970), *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*, j. 3, T. T. P: al-Ḥalabī, h. 107.

Terdapat juga di kalangan ulama salaf yang mengharuskan wanita menjadi saksi di dalam masalah *hudud* dan *qisas* seperti mana yang disebut oleh Ibn. Qayyim di dalam kitab "*al-Turuq al-Hukmiyyah*." Al-Tabari juga mengharuskannya secara umum³⁰ dan Ibn Hazm yang terkenal dengan *zahirinya* (berpegang kepada *zahir nas* sahaja) juga turut mengharuskannya.³¹

Ini kerana tiada dalil syarak yang terang dan jelas melarang wanita menjadi hakim.³³ Dalam masalah ini penulis akan membincangkan dengan terperinci dalam bab kedua nanti berdasarkan kepada *khilaf* ulama.

vi) Sempurna Pancaindera

Sempurna pancaindera merupakan satu syarat yang diperlukan oleh seseorang hakim. Sebahagian besar ulama telah menjadikan sempurna pancaindera sebagai satu syarat untuk menjadi hakim.

Syarat yang disepakati oleh ulama untuk menjadi hakim adalah berakal, cukup umur (*baligh*), merdeka, Islam, mendengar, melihat, bertutur dan alim

³⁰ Syaykh Muḥammad al-Syarbīnī (t.t), op. cit., j. 4, h. 375.

³¹ Ibn. Ḥazm al-Zāhirī (t.t), *Kitāb al-Muhalla fī Fiqh al-Zāhiriyyah*, j. 9, h. 4.

³³ Yūsuf al-Qarḍāwī (Dr.) (1993), *Fatāwa Muāṣarah*, j. 2, Mansurah: Dār al-Wafa', h. 377.

mengenai hukum syarak. Mazhab Syafie berpendapat harus orang buta menjadi hakim begitu juga orang yang bisu yang boleh difahami bahasa isyaratnya.³⁴

Mazhab Imam Malik pula menyatakan, sekiranya perlantikan hakim ini berlaku di kalangan orang buta dan pekak lalu mereka mengeluarkan atau menjatuhkan hukuman dalam kes-kes yang tertentu, maka hukumannya dikira sah tetapi mereka hendaklah dipecat.³⁵

Ini dapat dilihat bahawa mazhab Imam Malik mengenakan syarat sempurna pancaindera untuk menjadi hakim, tetapi sekiranya ada juga dilantik hakim dikalangan orang buta atau seumpamanya dan dia dapat mengendalikan kes-kes atau hukuman dengan baik, maka mazhab Imam Malik menyatakan keputusan yang telah dikeluarkan oleh hakim itu dikira sah dan boleh berkuatkuasa tetapi bukanlah bermakna dia diharuskan terus memegang jawatan hakim tersebut.

vii) Syarat-Syarat Lain

Ulama *Fiqh* mengatakan bahawa hakim itu hendaklah seorang yang kuat, mempunyai sifat lemah lembut (tegas), tidak bersifat tamak, tidak berputus asa,

³⁴ Ibn Qudamah (t.t.), op.cit. , j. 9, h. 41.

³⁵ Al-Hattab, Abū 'Abd Allāh Muḥammad (t.t), *Mawāhib al-Jalil li Syarḥ Mukhtaṣar Abi al-Dhiyā' Sayyidi Khalīl*, j. 6, T.T.P. T.P. h. 226.

bijaksana, berhati-hati, tidak mempunyai sifat pelupa, tidak mudah tertipu, jujur, warak dan beberapa syarat yang seumpamanya.³⁶

Syarat-syarat ini merupakan syarat keutamaan bagi perlantikan seseorang hakim, ini memandangkan jawatan kehakiman merupakan satu jawatan yang begitu mencabar dan satu sistem kehakiman yang berteraskan kepada keadilan dan kesejahteraan rakyat.

³⁶ Ibn Qudāmah (t.t), op.cit., j. 9, h. 21.